




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **41 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **54,698 kes**. Tiada kes kematian direkodkan pada hari ini.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh ialah 82 menjadikan jumlah kumulatif 53,891 orang. Seramai 390 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 167 orang di hospital dan 223 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 26 orang dan 12 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kunak berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah empat (4) daerah
- Zon Jingga enam (6) daerah
- Zon Kuning 13 daerah
- Zon Hijau empat (4) daerah

- 5 Pada hari ini, dua (2) kluster baharu direkodkan.
- i. **Kluster Semarak di Tawau** hari ini menambah lima (5) kes positif COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak enam (6) kes. Kes indeks merupakan calon penjawat awam yang disahkan positif melalui saringan di klinik swasta sebelum mendaftar masuk ke pusat latihan di Kota Kinabalu. Saringan kontak rapat mendapati lima (5) lagi kes positif dalam kalangan rakan serumah. Saringan serta punca jangkitan masih dijalankan.
  - ii. **Kluster Rangu di Tawau** dikesan pada 26 Mac 2021 apabila kes indeks iaitu jurujual alat komunikasi menjalani saringan bergejala di salah sebuah klinik. Hasil saringan kontak rapat, tujuh (7) lagi kes positif termasuk rakan serumah dan teman lelaki direkodkan. Berdasarkan penelitian kes, jangkitan dipercayai berpunca daripada keluarga kes indeks yang menghadiri kenduri arwah di Taman Semarak pada 20 Mac 2021 dan Majlis Graduasi pada 24 Mac 2021. Pengesanan kontak rapat sedang giat dijalankan.
- 6 Daripada 41 kes positif COVID-19, sebanyak 14 kes (34.1%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, tujuh (7) kes (17.1%) saringan bergejala, 17 kes (41.5%) dari kluster baharu dan sedia ada serta tiga (3) kes (7.3%) dari lain-lain kategori.
- 7 Jumlah kapasiti katil 4,076 unit
- Hospital 478 unit
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,178 unit
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Peratus penggunaan katil 9.57%.
- 8 Ingin dimaklumkan terdapat 2 PKRC telah ditutup secara rasmi:
- PKRC Pusat Latihan Rela Tuaran (sejak 3/3/2021)
  - PKRC Dewan Serbaguna Sipitang (sejak 29/3/2021)

## **B STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat ini, seramai **44** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **42,336** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **2,997** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **14,403** orang.

## **C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sejumlah **292,171** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 27 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 11,142 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 11 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 63 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dan kompaun dibuat.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 81 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 35 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, satu (1) tangkapan telah dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 411 lokasi melibatkan seramai 189 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama dilaksanakan melibatkan 77 anggota RELA di 80 lokasi.

- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu Kota Marudu, Sandakan, Kinabatangan dan Beaufort.
- 6 Sejumlah 43 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 10 daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 139 hebahan diseluruh sabah.

**E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **97%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98%
2	Sipitang	98%
3	Sandakan	97%
4	Kunak	97.5%
5	Penampang	97.5%
6	Kota Kinabalu	97%
7	Lahad Datu	97%
8	Beluran	97%
9	Beaufort	97%
10	Tenom	97%
11	Kudat	97%
12	Papar	97%
13	Kota Marudu	97%
14	Tuaran	97%
15	Ranau	97%
16	Kinabatangan	96%
17	Tawau	96%
18	Kota Belud	95.5%
19	Keningau	95.5%

- 2 Ayuh, daftarkan diri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
30 Mac 2021**